

08 APR 2004

KONSORTIUM-USAHA SAMA

KONSORTIUM LOGISTIK JANGKA TERUS BERKEMBANG DENGAN USAHA SAMA THAI

Daripada: Tengku Noor Shamsiah

PETALING JAYA, 8 April (Bernama) -- Konsortium Logistik Bhd dijangka menjadi peserta serantau utama dalam industri logistik auto berikutan kerjasamanya dengan Thai Summit Auto Part and Industry Co Ltd bagi pemilikan 49 peratus pegangan dalam Silver Line Cargo.

Syarikat itu memeterai perjanjian usaha sama dengan Thai Summit di Bangkok semalam.

Silver Line Cargo, sebuah syarikat pengangkutan di bawah Thai Summit Group, terlibat dalam kegiatan pengangkutan dengan trak dan ketika ini mengendalikan hanya 30 peratus daripada kegiatan logistik Thai Summit Group.

Thai Summit Group, dengan perolehan tahunan sebanyak AS\$500 juta, adalah pengeluar bahagian-bahagian utama di Thailand bagi automotif, motosikal, jentera pertanian dan perkakasan elektrik. Keseluruhannya kumpulan itu mempunyai lebih 30 syarikat yang terlibat dalam pembuatan bahagian-bahagian.

Pengerusi eksekutif dan presiden Konsortium, Mirzan Mahathir, berkata usaha sama itu akan membolehkan Konsortium Group menjadi sebuah daripada penyedia perkhidmatan logistik automotif utama dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang.

Konsortium, katanya, juga menjangka perolehannya meningkat tahun ini daripada RM210.7 juta yang dicapainya tahun lepas.

"Menerusi projek usaha sama ini, syarikat itu merancang untuk mengembangkan aktivitinya kepada logistik yang kemudiannya mengendalikan kesemua aktiviti logistik dengan Thai Summit Group serta mengembang ke pasaran tempatan Thai," kata Mirzan.

Di majlis permeterian itu di Bangkok, Mirzan mewakili Konsortium manakala presiden Thai Summit Group, Somporn Juanroongruangkit, mewakili syarikatnya. Majlis permeterian itu disaksikan oleh Duta Malaysia ke Thailand Datuk Syed Norulzaman Syed Kamaruzaman.

Mirzan berkata Konsortium akan menguruskan Silver Line Cargo.

"Keutamaan kami sekarang adalah untuk membantu menyelaraskan operasi Silver Line cargo dengan melaksanakan pelan proses menyeluruh selepas mengkaji logistik ke dalam dan ke luar dan pergerakan inventori bagi Thai Summit Group.

"Kami mensasar untuk membawa masuk kakitangan penting kami yang akan membantu dalam memindahkan teknologi menerusi sumber teknologi dan pengurusan kami. Kami juga akan melatih kakitangan tempatan bagi penyelarasan logistik, pemasaran logistik dan kecekapan operasi secara keseluruhannya," katanya.

Mirzan berkata beliau menganggap perkongsian itu sebagai situasi "menang-menang" bagi kedua-dua kumpulan berikutan peluang besar yang ditawarkan oleh perniagaan automotif yang sedang berkembang di Thailand.

Aliran untuk membuat penyumbaran luar logistik kepada syarikat yang mengkhususkan dalam bahagian ini sedang berkembang pesat di Asia, katanya.

"Apa yang penting adalah kita tidak boleh membebankan diri kita sendiri dengan melabur dan beroperasi di bahagian yang kita tidak menawarkan kelebihan yang ketara.

"Sumber bernilai terhad lebih baik disimpan untuk meningkatkan lagi penguasaan dalam bahagian kecekapan teras. Kami, di Konsortium, telah membina kecekapan kami dalam mereka bentuk, melaksana dan menambah baik

penyelesaian logistik bagi pelanggan kami," katanya, sambil menambah kemasukan kumpulan ke Thailand juga akan membantu menurunkan kos operasi logistik bagi Silver Line Cargo.

Beliau berkata penerajuan Konsortium dalam sektor automotif adalah hasil daripada pengalaman luasnya dalam menyediakan penyelesaian yang kos efektif dan tepat pada masa kepada pengeluar dan pemasang di Malaysia sejak 10 tahun lalu.

"Pengetahuan meluas kami dalam faktor kritikal industri auto adalah hasil daripada perkongsian jangka panjang yang kami bina sejak beberapa tahun lalu berlandaskan kepada kepercayaan, semangat berpasukan dan keazaman tinggi untuk menyediakan penyelesaian bagi keperluan logistik rumit pelanggan kami," katanya.

Mirzan berkata pengalaman berharga ini membolehkan Konsortium menyelaraskan kegiatan dan memendekkan bekalan pengeluaran kepada kitaran pasaran.

Apabila ditanya sama ada perkongsian itu akan menjadikan logistik automotif satu daripada penyumbang terbesar kepada pendapatan Konsortium di masa depan, Mirzan memberitahu Bernama ianya akan berlaku sekiranya semuanya berjalan lancar kerana Thailand dengan populasi seramai 62 juta, mempunyai pasaran yang lebih besar.

"Ketika ini kami mempunyai operasi di Thailand, Indonesia dan India dan kini memperkenalkan model perniagaan baru kami kepada pelanggan, prospek serta rakan kongsi kami.

"Akhirnya kami mahu berada di mana terdapat potensi bagi pertumbuhan. Itulah sebabnya mengapa kami begitu aktif mengembang di Asean dengan rakan kongsi kami," katanya. -- BERNAMA

TNS SHY ZK